# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 34 | RABU 23HB. OGOS, 1978. | 1398 رابو 19 رمضان | PERCHUMA


# ERATKAN K-SAMA ANTARA JABATAN2 K'JAAN D.Y.M.M.

JALAN MUARA. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah telah menyatakan harapan supaya kerjasama yang erat antara jabatan2 kerajaan DYMM akan juga di-laratkan pada usaha2 lain yang berkebajikan.

Yang Teramat Mulia itu telah melafadzkan harapan demikian sa-jurus sa-belum merasmikan pertandingan membacha Al-Kor'an kali kedua antara jabatan2 kerajaan yang beruniform yang telah di-langsongkan di-Padang Kawat Pusat Latehan Pulis Diraja Brunei di-sini pada 19hb. Ogos yang baru lalu.

Kerjasama dan melaratkan usaha2 lain yang berkebajikan itu, sabda Yang Teramat Mulia Pengiran Perdana Wazir, ada-lah perlu kerana telah terbokti yang jabatan2 kerajaan telah dapat mengendalikan pertandingan membacha Al-Kor'an antara pasokan2 yang beruniform.

Memang di-akui, sabda Yang Teramat Mulia itu seterus-nya, bahawa pegawai2 dan kaki-tangan2 dari jabatan2 yang beruniform mempunyai tugas2 yang penting dan agak berat saperti mana juga pegawai2 dan kaki-tangan2 di-jabatan2 yang lain juga mempunyai peranan masing2 terhadap negeri ini.

Bagaimanapun usaha mengadakan pertandingan membacha Al-Kor'an projek tahunan bagi Jabatan2 yang beruniform itu ada-lah sa-chuchok dengan kedudokan kita sa-bagai orang Islam yang sentiasa menjunjong tinggi ajaran2 Ugama Islam dan sentiasa taat serta taqwa kapada Allah, tambah Yang Teramat Mulia.

"Dalam menjalankan tugas sa-hari2 awang2 dan dayang2 tentu-lah seringkali menghadapi berbagai2 chabaran dan dugaan yang mana mengkehendaki ketabahan serta kesabaran dan juga hati yang tenteram pada mengatasi-nya," sabda Yang Teramat Mulia.

Dalam pertandingan yang berthema "Al-Kor'an Penawar Jiwa Yang Mujarab" itu, Yang Teramat Mulia mensifatkan ia-nya sa-bagai sesuai dengan peranan mereka sa-bagai anggota yang beruniform.

Lihat muka 16



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah bersabda sa-jurus sa-belum merasmikan pertandingan tersebut.



Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pg Muda Mohammad Bolkiah menyampaikan oskar kejohanan kapada johan qari tahun ini, Awang Hashim bin Haji Hassan.

# 100 orang di-pileh masok ka-sekolah2 Arab

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 100 orang penuntut — 50 orang lelaki dan 50 orang perempuan — dari Sekolah2 Ugama di-seluroh negeri telah di-pileh untok memasoki sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah dan Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Anak Damit bagi tahun 1979.

Mereka itu telah berjaya dalam pepereksaan pemilehan yang telah di-adakan di-seluroh negeri pada 2hb Julai yang lalu dalam mata-pelajaran Bachaan Kor'an, Ilmu Hisab, Tauhid dan Ibadat.

Nama2 mereka yang terpileh itu ada-lah saperti berikut:

**A. BAHAGIAN LELAKI**

Sofian bin Mohd. Suot, SU. Delima Satu; Awg Hijjra bin Awg Adenan, SU. Pengiran Anak Puteri Masna; Khairul Shaffarani bin Hamidon, SU. Amar Pahlawan (petang); Ibrahim bin Safar, SU. Pudak; Mohamad Sihdek bin Abdul Hamid, SU. Bekiau; Mohamad Ali bin Ariffin, SU. Gadong; Abang Hadzmin bin Abang Taha, SU. Birau; Awg Abdul bin Awg Salim, SU. Pekan Belait; Jasni bin Ompak, SU. Jerudong; Ak. Ibrahim bin Pg. Tengah, SU. Kiudang; Muamad bin Rabaha, SU. Kiarong; Roslan bin Aspar, SU. Sengkurong (petang); Metusin bin Matyasin, SU. Putat; Hasan bin Liman, SU. Tungku, Gadong; Rahman, SU. Senokoh; Abdullah bin Hidop, SU. Pg. Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Seria; Rahim bin Haji Duraman, SU. Putat; Shamsuddin bin Saban, SU. Bendahara Sakam, Bunut; Ra-

Lihat muka 16

# Orang munafik: Tidak boleh di-perchayai, tidak sah jadi saksi

TUTONG. — Umat Islam di-negeri ini di-ingatkan tentang betapa perlu-nya mereka menghormati ajaran2 Islam dengan mengamalkan apa yang di-suroh dan menjauhi apa yang di-tegah oleh Islam.

Umpama-nya, larangan meminum minuman keras dan meninggalkan sembahyang Jumaat ada-lah satu2-nya yang boleh merosakkan diri orang2 Islam.

"Kalau kita sa-bagai saorang Islam tidak mengikut hukum atau lari dari hukum, kita boleh jatoh kapada golongan **munafik** saperti senghaja meninggalkan sembahyang Jumaat tiga kali berturut2. **Orang munafik** pada hukum tidak boleh di-perchayai, tidak sah jadi saksi dan sa-umpama-nya".

Ini telah di-tekankan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan ketika merasmikan peraduan membacha Kitab Suchi Al-Kor'an bagi pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang berlangsong di-Khemah Battalion Kedua di-Tutong dalam minggu lepas.

Yang Berhormat itu yakin bahawa jika sa-seorang itu masok kapada kaum munafik dan menjadi orang Islam yang rosak, tentu kejayaan dan kebahagiaan hidup tidak terchapai.

Pada mengketengahkan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap lagi sempurna bagi kita semua sapertimana yang pernah di-hasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Berhormat itu menjelaskan:

"Saya memang selalu "bibiran" pada menggalakkan, bibiran pada berseru, bibiran pada meminta dan memohon supaya kita semua banyak2 beramal 'ibadat, menjauhkan diri dari segala larangan Ugama dan menchantumkan serta memesrakan kehidupan kita sa-tiap hari dengan hukum2 yang berkenaan supaya kita semua akan menjadi orang2 yang ta'at dan taqwa".

Kata-nya, segala hukum, segala larangan dan segala surohan oleh Ugama adalah semua itu yang di-turunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Bukan saya yang buat itu peratoran, bukan guru atau ustaz2 atau Pejabat Ugama yang membuat-nya. Allah Subhanahu Wata'ala yang telah menurunkan peratoran2 itu untok seluroh umat manusia supaya hidup kita semua akan sentiasa mendapat kejayaan dan kebahagiaan.

## Gunakan kalimat "Assalamu-Alaikum"

Pehin Orang Kaya Laila Wijaya juga menarek perhatian kapada penggunaan kalimat "**assalam-mu-alaikum**" atau Bahasa Inggerisnya "peace be upon you" atau "bahagia-lah bagimu".

Yang Berhormat itu menyeru Umat Islam supaya terus-menerus menggunakan "assalam-mu-alaikum" antara sa-sama Islam pada waktu2-**nya** yang lazim, kerana kalimat itu lebeh hormat, lebeh mulia, lebeh sesuai, lebeh mesra dan lebeh berpahala dari kalimat2 lain saperti "hello, good morning, hi! dan sa-umpama-nya.

Lihat muka 16

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

23HB OGOS, 1978

## RAMADHAN MEMBAWA RAHMAT

BAGI kita umat Islam di-Negeri Brunei ini, khusus-nya dan umat Islam di-seluroh dunia pada umum-nya, menyambut kedatangan bulan Ramadhan (bulan puasa) sa-bagai suatu rahmat daripada Allah s.w.t. Allah mewajibkan kita umat Islam berpuasa dalam bulan Ramadhan ini, sa-lain dari menguji keimanan kita terhadap-Nya dengan menahan perasaan dan hawa nafsu, maka berpuasa itu juga boleh mendatangkan keinsafan kapada kita terhadap fakir miskin atau orang2 yang kurang bernasib baik.

Kedatangan bulan Ramadhan yang mulia ini, bagi kita di-negeri ini bukan sahaja menyediakan ganjaran pahala yang berganda2 dari Allah s.w.t. kapada sesiapa yang melakukan kebajikan, bahkan bulan Ramadhan ini juga memberikan rahmat kapada para peniaga2; bukan sahaja bagi peniaga2 besar saperti menjual kain baju, alat perabot rumah, bahan2 kueh-mueh bahkan peniaga kechil2an di-pasar, tamu, kedai sharikat kerjasama di-kampong2 juga turut sama menekmati rahmat-nya. Betapa tidak, meninjau dari pendapatan penjual kueh-mueh, buah2an tempatan, sayor2an dan lauk-pauk untok pasungkaian di-tamu atau di-gerai2 dalam bulan Ramadhan ini, ada-lah suatu rahmat yang di-tunggu2 — walau pun sa-belum kedatangan Ramadhan ini mereka memang telah membuka perniagaan, akan tetapi tidak-lah sa-begitu laris saperti dalam bulan Ramadhan ini.

Sesunggoh-nya pada minggu pertama dalam bulan Ramadhan, kita umat Islam di-negeri ini khusus-nya, amat dukachita apabila mendengar berita sa-orang saudara kita telah meninggal dunia dan beberapa orang lagi telah di-masokkan ka-rumah sakit akibat termakan makanan yang mengandongi rachun — terbit dari berita itu bermacham2 sangkaan atau dugaan makanan2 yang di-maksudkan itu ia-lah chendol, puspa, sop tulang dan lain2. Dan yang lebeh2 di-khautirkan ia-lah wabak kolera. Tetapi segala2-nya telah dapat di-pastikan dengan izin Allah bahawa kita di-negeri ini terhindar dari wabak kolera. Makanan yang mengandongi rachun itu setelah di-selideki ia-lah sa-jenis kuman yang kadang2 terdapat di-dalam daging lembu atau kerbau yang mengandongi rachun yang boleh membahayakan.

Walau bagaimana pun, langkah berjaga2 bagi mengikuti nasehat2 para doktor harus di-ambil perhatian ia-itu menjaga kebersehan barang2 makanan terutama sa-kali di-tempat2 yang terdedah saperti di-tamu. Dan kebersehan di-kawasan itu juga hendak-lah di-pelihara bukan sa-takat dalam bulan Ramadhan yang membawa rahmat kapada kita umat Islam malahan di-pelihara pada bila2 masa.

Mudah2an sempena bulan Ramadhan yang penoh berkat dan rahmat ini akan seterus-nya membawa rahmat kapada seluroh umat Islam di-negeri ini khusus-nya dan raayat serta pendudok umum-nya pada melipat-gandakan usaha dengan penoh keyakinan serta azam terutama pada menghadapi masa2 depan negara darussalam yang berdaulat lagi penoh merdeka.

## PERADUAN SENILUKIS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan dan Pameran Senilukis akan di-adakan di-Muzium Brunei sa-lama 13 hari mulai 17hb Oktober akan datang. Pameran itu ada-lah merupakan salah satu achara sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32 tahun.

Peraduan dan Pameran ini di-anjorkan oleh Persatuan Pelukis Brunei dan ia-nya terbuka kapada pelukis2 tanah ayer samada yang bergiat sa-chara persendirian atau pun mereka yang telah mengabongkan diri ka-dalam persatuan pelukis Brunei.

Peraduan tersebut akan di-bahagikan kapada enam bahagian yang terdiri daripada potret, pemandangan, alam-benda atau benda-kaku, seni-abstrek, archa dan batek. Bahan atau media yang di-gunakan untok tiap2 bahagian ada-lah bebas kechuali bahagian batek.

Sa-tiap peserta akan di-benarkan memasoki beberapa banyak bahagian yang di-kehendaki-nya tetapi mereka hanya di-benarkan menghantar satu karya sahaja pada satu bahagian.

Ukoran karya yang di-hantar hendak-lah tidak melebehi 3 x 4 kaki atau 12 kaki persegi besar-nya dan hendak-lah di-beri bingkai (framed) atau di-lapis dengan sempurna.

Nama pelukiis, alamat, tajok karya dan harga (jika hendak di-jual) hendak-lah di-tulis di-belakang karya masing2.

Tarikh tutop penyertaan ia-lah 9hb Oktober jam 4.00 petang. Barya2 yang di-hantar lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Penerangan2 lanjut mengenai peraduan ini boleh di-perolehi dari Awang Noor Ariffin dan Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman di-RTB atau Pg Omar bin Pg Salleh di-Dewan Bahasa dan Pustaka.



## Derma untok Tabong Anak2 Yatim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengerusi Jawatankuasa Tabong Anak2 Yatim Daerah Brunei/Muara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin telah menerima tiga sumbangan derma berjumlah $1,526.00 untok tabong tersebut.

Sharikat Perusahaan dan Perniagaan Melayu telah menderma sa-jumlah $776.00; Persatuan Bola Keranjang Bandar Seri Begawan sa-jumlah $500.00 dan Awang Haji Atan bin Kassim, sa-orang peniaga di-Tamu menderma sa-jumlah $250.00.

Derma2 tersebut telah di-sampaikan kapada Yang Amat Mulia itu dalam tiga majlis yang berasingan dalam minggu lalu. Derma dari Sharikat Perusahaan dan Perniagaan Melayu telah di-sampaikan oleh Pengerusi Sharikat, Awang Haji Daud bin Seruddin (gambar atas); derma dari Persatuan Bola Keranjang di-sampaikan oleh Awang Ong Keh Beng manakala derma ketiga telah di-sampaikan oleh penderma sendiri. Wang tersebut akan di-bahagi2kan kapada anak2 yatim di-Daerah Brunei/Muara sa-masa hari raya ini.

## Jenis ikan sardin ini merbahaya untok di-makan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pehak berkuasa kesihatan Brunei telah menasehatkan orang ramai di-negeri ini supaya jangan memakan ikan salmon dalam tin yang mempunyai bilangan RS 7GS 7145.

Larangan ini di-buat berikutan dengan laporan yang di-terima dari United Kingdom bahawa empat orang maseh lagi berada dalam keadaan tenat di-hospital kerana mengidap BOTULISM ia-itu sa-jenis penyakit usus sa-lepas memakan ikan salmon dalam tin yang di-buat di-Amerika Sharikat itu.

Menurut laporan itu, ikan salmon dalam tin yang mempunyai bilangan RS 7GS 7145 itu di-anggap tidak selamat untok di-makan dan merbahaya untok kesihatan sa-lepas tin2-nya rosak semasa memproses ikan tersebut ka-dalam tin.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan bersama2 dengan harga runchit yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai saperti berikut: —

| JENIS BARANG | | HARGA RUNCHIT |
|---|---|---|
| Royal Baking Powder | — 1 lb. | $ 3.00 |
| | — 8 ozs. | $ 1.70 |
| | — 4 ozs. | $ 1.00 |
| Royal Custard Powder | — 1 lb. | $ 2.30 |
| Bird Custard Powder | — 11½ ozs. | $ 2.20 |
| Kong Guan Corn Flour | — 1 lb. | $ 2.00 |
| Q.B.B. Ghee | — 2 lbs. | $ 6.10 |
| | — 1 lb. | $ 3.20 |
| | — 5 ozs. | $ 1.30 |
| | — 500 gms. | $ 3.70 |
| | — 1 kg. | $ 7.00 |
| | — 150 gms. | $ 1.50 |
| Golden Churn Butter | — 12 ozs. | $ 2.85 |
| | — 16 ozs. | $ 3.65 |
| | — 6.5 lbs. | $19.20 |
| Golden Fern Butter | — 12 ozs. | $ 2.00 |
| Barkath Icing Sugar | — 1 lb. | $ 1.50 |
| Barkath Castor Sugar | — 1 lb. | $ 1.50 |
| Beyes Icing Sugar | — 1 lb. | $ 1.20 |
| Beyes Castor Sugar | — 1 lb. | $ 1.20 |
| Butter Cookies "Kerinas" | — 1 lb. | $ 5.50 |
| Butter Cookies "C & C" (In Packet) | — 7 ozs. | $ 1.80 |
| Delmonte Prunes Jumbo | — 1 lb. | $ 2.20 |
| Delmonte Prunes Medium | — 1 lb. | $ 2.30 |
| Flore De California Prunes | — 1 lb. | $ 1.90 |
| | — 400 gms. | $ 2.20 |
| Sun Sweet Prunes | — 12 ozs. | $ 2.20 |
| Pringles Potato Chips | — 4¼ ozs. | $ 1.80 |
| Nellys Crunchios Potato Rings | — 4¼ ozs. | $ 2.10 |
| | — 8 ozs. | $ 3.80 |
| Lays Potato Chips | — 5 ozs. | $ 2.00 |
| | — 8 ozs. | $ 5.50 |
| Raffles Potato Chips | — 3½ ozs. | $ 2.10 |
| | — 10 ozs. | $ 5.80 |
| Fritos Corn Chips | — 5 ozs. | $ 2.60 |
| Cauliflower "Molinera" | — 1 lb. | $ 1.30 |
| Cauliflower "Vincit" | — 800 gms. | $ 2.60 |
| Ritz Cracker Biscuits | — 7 ozs. | $ 1.80 |
| Coffee Powder (Bird Brand) | — 10 tahils | $ 4.90 |
| | — 5 tahils | $ 2.45 |
| | — 2½ tahils | $ 1.25 |
| Nescafe CTI | — 50 gms. | $ 3,40 |

| JENIS BARANG | | HARGA RUNCHIT |
|---|---|---|
| | — 100 gms. | $ 6.50 |
| | — 250 gms. | $15.00 |
| | — 500 gms. | $28.70 |
| Nescafe Gold Brand | — 100 gms. | $ 9.70 |
| Nescafe Blend "37" | — 100 gms. | $ 8.70 |
| Milo | — 13 gms. | 15 sen |
| | — 250 gms. | $ 2.15 |
| | — 500 gms. | $ 4.05 |
| | — 1.5 kg. | $10.70 |
| OVALTINE : a) Malt Ovaltine (OM) | — 250 gms. | $ 2.15 |
| | — 500 gms. | $ 4.05 |
| | — 1.5 kg. | $10.70 |
| b) Ovaltine with Honey (OH) | — 500 gms. | $ 4:05 |
| | — 1 kg. | $ 7.70 |
| Horlicks | — 200 gms. | $ 1.65 |
| | — 400 gms. | $ 3.30 |
| | — 1,200 gms. | $ 9.60 |
| | — 2,000 gms. | $15.40 |
| Nespray Instant | — 2 lbs. | $ 7.50 |
| | — 5.5 lbs. | $16.90 |
| | — 400 gms. | $ 3.10 |
| | — 500 gms. | $ 3.85 |
| | — 1 kg. | $ 7.60 |
| | — 2.5 kg. | $16.90 |
| Lactogen withHoney/ Lactogen Full Protein | — 1 kg. | $ 6.45 |
| | — 2 kg. | $12.40 |
| Everyday Standard | — 1 kg. | $ 5.65 |
| | — 2 kg. | $10.60 |
| Everyday Instant | — 1 kg. | $ 6.75 |
| Nan | — 500 gms. | $ 6.75 |
| | — 1 kg. | $11.50 |
| Pelargon | — 500 gms. | $ 4.50 |
| | — 1 kg. | $ 8.50 |
| | — 2 kg. | $16.15 |
| Aji-No-Moto | — 8 gm . | 10 sen |
| | — 17 gms. | 20 sen |
| | — 35 gms. | 40 sen |
| | — 72 gms. | 80 sen |
| | — 75 gms. | $ 1.20 |
| | — 150 gms. | $ 1.60 |
| | — 300 gms. | $ 2.80 |
| | — 2 kilos | $16.00 |
| | — 2½ tahils | $ 1.30 |
| | — 1 lb. | $ 3.60 |
| | — 400 gms. | $ 1.90 |

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 26hb hingga 30hb Ogos, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 26.8.1978 | Sabtu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 26.8.1978 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 26.8.1978 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 28.8.1978 | Isnin | 4.30– 5.30 „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 28.8.1978 | Isnin | 3.00– 4.00 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 29.8.1978 | Selasa | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 29.8.1978 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 30.8.1978 | Rabu | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 30.8.1978 | Rabu | 8.30– 9.30 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 30.8.1978 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |

المؤتمر الإسلامي الآسيوي الأول

# oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ. ABD AZIZ JUNED

## Siri ke-3

1HB. SHA'ABAN 1398 bersaman 6hb Julai, 1978 ia-lah hari sebok di-bangunan Intercontinental Hotel, Karachi. Hari ini hari pembukaan rasmi Persidangan Islam Asia Yang Pertama. Dalam susunan ranchangan ada di-chatet sabagai bermula dari jam 5.15 pagi lagi, ia-itu para perwakilan bersembahyang Suboh. Sa-lepas sembahyang, saya dan Pehin Datu Seri Maharaja, mengisi masa kira2 sa-jam dengan membacha Al-Kor'an. Kemudian kami memesan minum pagi. Kira2 10 minit, minuman pun sampai. Kami minum dan makan dengan berselira pagi itu. "Ini baru-lah makanan Islam, hati kita tidak ragu2 memakan-nya", Pehin Datu Seri Maharaja membuka perbualan sambil menuangkan susu ka-dalam chawan yang berisi tea. Saya membenarkan-nya sambil menambah: "Kaola. Kelakuan orang2 di-dalam hotel inipun chukop meyakinkan, mereka masok dan keluar dengan SALAM".

### MENYENANGKAN

Ini-lah antara faktor yang sangat2 menyenangkan kami selama di-hotel itu. Dari pemandu khas kami, yang setiap masa berulang-alek mengunjongi kami, sampai kapada pelayan2 hotel, pembawa makanan dan minuman, mereka bila mau masok atau keluar bilek, uchapan "Assalamu 'Alaikum" dulu2 lagi melompat dari mulut mereka. Jadi amat terasa berkat-nya suasana perhubongan kita dengan mereka itu pada setiap ketika. Salam persaudaraan Islam menjadi penghubong yang utama, menghidupkan keyakinan dan muhibbah, tidak perlu dengan banyak kata2 atau bunga bahasa. Di-sini-lah letak mutu madah Al-Ghazali

الإسلام دين المحبة والعبادة

*"Islam itu ugama kaseh sayang dan ibadat."* Demikian pula Rasulullah s.a.w. sendiri telah lebeh dahulu menyedari faktor kejiwaan ini mustahak benar di-amal dan di-pegang kuat2. Kerana di-sini-lah antaranya rahsia kekuatan umat Islam yang sa-benar2-nya. Bukan kaseh sayang palsu, tetapi chinta yang terjalin dengan iman. Chinta yang tidak berlatar belakangkan lain, kechuali kerana ugama serta rakus kapada keredzaan Allah. Chuba tuan perhatikan Hadith ini:



AL-SHEIKH Mohammad Ali Al-Harakan Setiausaha Agong Rabetah Al-'Alam Al-Islami sewaktu menyampaikan uchapan-nya.

لَاتَدْخُلُوا الْجَنَّةَ حَتَّى تُوْءمِنُوا وَلَاتُوْءمِنُوا حَتَّى تَحَابُّوا أَوَلَا أَدُلُّكُمْ عَلَى شَيْءٍ إِذَا فَعَلْتُمُوهُ تَحَابَبْتُمْ أَفْشُوا السَّلَامَ بَيْنَكُمْ — رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Erti-nya: *"Kamu tidak akan masok shorga sa-hingga kamu benar2 beriman. Dan sesunggoh-nya kamu belum-lah sempurna beriman, sa-hingga kamu kaseh mengasehi. Ada-kah belum aku tunjokkan kapada kamu tentang sasuatu perkara yang manakala kamu amalkan dia, neschaya kamu akan kaseh mengasehi, ia-itu sibarkanlah salam di-antara kamu."* (*Hadith riwayat Muslim*).

### MENGAMBIL TEMPAT

Jam 8.00 — 8.30 pagi, para perwakilan mengambil tempat masing2. Di-dalam dewan besar yang boleh memuat tidak kurang 1,000 orang itu, perwakilan Brunei di-berikan tempat dudok baris kedua dari depan. Di-sabelah kanan ia-lah perwakilan dari Bangladesh, sedang di-kiri dari Burma. Sebaik2 sahaja masing2 mengambil tempat, para pegawai yang bertugas pun membahagikan alat2 pendengar kapada semua para perwakilan, sebab ada tiga bahasa yang sudah tentu akan di-gunakan, ia-itu Urdu, Inggeris dan Arab. Orang2 yang di-jadualkan akan beruchap pada pagi itu, ia-lah Penasehat Hal Ehwal Ugama kapada Ketua Pemerentah Tentera, General Mohammad Zia-ul-Haq. Beliau ia-lah Mr. A.K. Brohi yang juga selaku Pengerusi Persidangan. Kedua Setiausaha Agong Rabetah Al-'Alam Al-Islami, Al-Sheikh Mohammad Ali Al-Harakan, dan yang ketiga perasmian oleh Ketua Pemerentah Tentera Pakistan, General Mohammad Zia-ul-Haq. Majlis di-serikan juga dengan bachaan Ayat2 Suchi Al-Kor'an oleh saorang qari tempatan.



SETIA USAHA Agong Rabetah ketika mengalu2kan ketibaan Pemimpin Pakistan, General Mohammad Zia-ul-Haq di-upachara perasmian persidangan tersebut.

### BERSIKAP DAN RAMAH

Tepat jam 9.00 pagi, tetamu kehormat yang akan merasmikan persidangan, General Mohammad Zia-ul-Haq sampai, dan mengambil tempat di-atas pentas khas. Orangnya kelihatan segak dan bersikap dan ramah, bukan sahaja kapada orang2 yang dudok berhampiran dengan-nya, tetapi juga kapada hadhirin, beliau melambai-lambaikan tangan-nya. Dan baharu dia dudok, dia tiba2 saya terlihat bangun dari kerusinya dan turun sambil menuju ka-arah sa-buah kerusi di-hadapan pentas. Rupa2-nya di-situ dudok Imam Masjid Al-Haram Mekah, Al-Sheikh Mohammad bin Abdullah bin Al-Subayl. Segera Imam itu bangun menyambut tangan pemimpin Pakistan itu, dan terjadi-lah dailog pendek antara kedua-nya. Kemudian lepas itu, baharu-lah dia berpusing semula naik ka-atas pentas.

### ULAMA WARIS NABI2

Melihat ini, hati saya berbisek: Mungkin barangkali begini-lah chara orang Pakistan menghormati tetamu2 Muslim-nya? Dan dengan itu juga saya segera teringat semula perchakapan saya semalam di-lapangan terbang dengan salah sa-orang pegawai yang menyambut kami, bahawa orang2 Pakistan memang sangat2 menghormati tetamu2 Pakistan yang Muslim. Dan sekarang, ketua mereka sendiri, Zia-ul-Haq turut memboktikan kebenaran kata2 itu. Dan bahkan Ketua ini telah menunjokkan satu chontoh yang tepat, untok bangsanya dan untok hadhirin, bahawa menghormati ulama dan keturunan Rasulullah itu ia-lah suatu perangai yang tinggi dan di-suroh, sebab kata Hadith: *"Ulama itu warith Nabi2."* Tidak shak lagi, Imam Masjid Al-Haram bukan-lah sebarang orang, sebab bukan senang untok dapat title itu. Ia bukan saja imam untok orang2 Mekah, bahkan imam kapada orang2 Islam di-seluroh dunia pada musim2 haji.

Orang kedua yang menyampaikan uchapan-nya sa-belum perasmian, ia-lah Setiausaha Agong Rabetah, Al-Sheikh Mohammad Ali Al-Harakan. Beliau mendahului-nya dengan pujian kapada Allah, salawat serta salam ka-atas rasul-Nya, Nabi Muhammad s.a.w.:

الحمدلله منه نستمد التوفيق وعليه نتوكل... والصلاة والسلام على نبراس الهدى ومنار الرشد وسيد ولد ادم... من اتى ليخرج الناس من الظلمات الى النور ويهديهم الى الصراط المستقيم... سيدنا محمد وعلى اله واصحابه وعلى الموءمنين برسالته الى يوم الدين.

Seterus-nya Al-Sheikh Mohammad Ali Al-Harakan antara lain berkata: *"Dari bumi kudus lagi suchi, di-mana terdapat Ka'abah yang mulia, dari sana, dari Gua Hira' tempat Muhammad s.a.w. menerima risalah kebenaran sa-jagat, risalah ilmu dan iman, risalah tamaddun dan akhlak . . . dari bumi yang suchi ini, saya membawa Tuan Yang Mulia, General Zia-ul-Haq dan kapada saudara2 para perwakilan sekalian, salam serta hormat daripada Khadim Mekah dan Madinah, Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Al-Malik Khalid bin Abdul Aziz dan Tengku Mahkota Al-Amir Pahd bin Abdul Aziz, salam persaudaraan Islam yang hangat yang di-ikuti dengan semangat perpaduan yang bertiup sentiasa dari bumi Saudi. Di-mana Pakistan, bumi Islam, tempat kita berkumpol hari ini ada-lah bumi yang pertama menyahut panggilan dari Mekah Al-Mukarramah."*

( BERSAMBONG )



# ESSAY COMPETITION

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei State Youth Council is organising an essay competition in conjunction with World Youth Congress on Food and Development to be held in the Egyptian capital of Cairo in January next year.

The competition, open to youths throughout the State, is sponsored by the Youth International Secretariat connected with family welfare and development.

Among the objectives of the congress will be to know the role of youths in outlining and implementing food programmes and policies, and to bridge the generation gap.

Youths who wish to take part in the competition can write on any one of the following subjects in English, Spanish, French or Arabic.

Food and modern science; Technological problems of food production in developing countries; Agricultural techniques and environment pollution; Environmental degradation and food production; prospects of prevention action by communities; What causes famine: recent case studies; Planning community development oriented to food production; Women's role in food production; Population trends and food; Food problems of urbanization; Are western patterns for food consumption a cause of food crises?.

Brain-drain of youth from rural areas; Irrelevance of education to rural needs; Nutrition education; Relevance of agricultural policy to nutritional needs of vulnerable groups; Impact of international politics on food problems; Food issues and structures of socio-economics power; The 'Green Revolution: an evaluation'; Experience of agrarian reforms; An outline programme of youth action on the food front; and 'Where have our elders erred'?.

Each essay must be the personal work of the participant, between 2000 and 4000 words, and accompanised by a precis of about 300 words.

The completed essay should be forwarded to the Secretary-General of the Brunei State Youth Council, P. O. Box 346, Bandar Seri Begawan not later than Saturday, September 30.

The winner will be invited to attend the congress which will take place in Cairo from January 13 to 18 and while there, will be taken on a tour of historic places.

Each participant is also required to submit with the essay a passport size photograph and personal particulars such as nationality, date of birth postal as well as cable addresses.

Further details are available from the Secretary-General, Tel: BSB 22968 or 23155, or from Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim, Tel: BSB 24545.

## Saudi Arabians visit Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Two prominent Saudi Arabians made a two-day visit to Brunei last week.

Dr. Jalal Mustafa Assayad, a professor at the Malik Faisal University and Sheikh Mohammed Abdul Kadir Al-Mandili, a teacher at the Masjidil Haram Mosque in Mecca, were in Brunei as guests of the Brunei State Youth Council.

During their visit they had discussions with members of the council, prayed at the Sultan Omar Ali Saifuddin Mosque here and the Setia Ali Mosque in Muara, and called at the Religious Affairs Department.

Sheikh Mohammed (left) and Dr. Jalal are seen in the picture with a member of the Brunei State Youth Council, Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim coming out of the mosque here after the Zuhor prayer.

## Koran Reading Competition

JALAN MUARA.—Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah last Saturday night declared open the annual Koran reading competition for personnel of uniformed government departments.

The Yang Teramat Mulia also presented the prizes to the winners.

Awang Hashim bin Haji Hassan from Fire Brigade was first, Abdul Ghani bin Mat Noor from Royal Brunei Police Force second, and Kamis bin Nasir also from Royal Brunei Police Force third.

Sixteen readers from eight departments took part in the competition.

Among those present were the Yang Teramat Berhormat General Adviser, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Mentri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, the hon'ble State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Cheterias, Pehins and senior government officials.

## Orphan fund receives donations

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Chairman of the Brunei Muara District Orphanage Fund, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, last week received two donations to:alling $1,300 in aid of the fund.

The first donation amounting to $800.00 came from the Sharikat Perusahaan Dan Perniagaan Melayu and was handed by the chairman, Awang Haji Daud bin Serudin.

The second donation was made by the Bandar Seri Begawan Amateur Basketball Association and a cheque for five hundred dollars was handed over by the chairman, Mr. Ong Keh Beng.

## 13 off to U.K. for training

BANDAR SERI BEGAWAN. — A group of thirteen trainee assistant technical instructors will be leaving for Britain today to take up a three-year in-service training.

Of the number, eleven are from the Jefri Bolkiah School of Engineering in Kuala Belait and the rest from the Sultan Saiful Rizal School of Building in Jalan Muara.

The thirteen are Alias bin Duraman; Sutarno bin Samin; Awangku Alias bin Pengiran Haji Ahmad; Abdul Wahab bin Mokti; Mohammad bin Hidup; Alirahman bin Haji Naim; Shanan bin Haji Saidin; Ramli bin Kikil; Abdul Rahman bin Haji Abdullah; Suhaili bin Abdul Rahman; Johaini bin Abu Bakar; Awangku Mohammad bin Pengiran Duraman and Ahmad bin Burut.

They will be attached to the Bolton College of Education and on completion of the training, they will undergo an advanced certificate course.

When they return to Brunei they will be confirmed as Assistant Technical Instructors.

## Arts Exhibition

KOTA BATU.—A thirteen-day arts exhibition open to artists in the State will be held at the Brunei Museum here commencing on September 17.

Artists wishing to take part in the exhibition should submit their entries a week earlier.

Further details are available from the exhibition secretary, Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman at Radio Television Brunei.

## Beware of tinned Salmon

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Medical Officer of Health, Dr. P. Durayappah has advised the public not to eat tinned red salmon bearing batch number RS 7gs 7145.

Her advice followed a report from the United Kingdom last week that four people were still seriously ill in hospital with Botulism after eating the tinned salmon.

Dr. Durayappah in a statement issued on Saturday said the salmon was canned in the United States and that the infected tin was thought to have been damaged during the canning process.



PENGIRAN Muda Haji Kamaluddin receiving the cheque from Mr. Ong. Looking on are Mr. Koh Poon Thuan and Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Damit.

## Progress well on 2nd. phase

BANDAR SERI BEGAWAN. — Work on the second stage of the Sungai Tutong Water Scheme at Layong is progressing well and expected to be completed at the end of the year or early next year.

The seventeen million dollar project involves the extension of the existing treatment work pumping station and the construction of new reservoirs.

When completed the station will be able to supply up to sixteen million gallons of water daily.

In addition, two new pumps are being installed and a new clear-water tank is being constructed.

# WAJIB MEMELIHARA DAN MEMULIAKAN TULISAN AL-KOR'AN




KITA telah banyak berchakap atau mendengar perkataan2 tentang musoh Islam. Sesunggoh-nya musoh itu tidak lain dari bertujuan untok mengachau dan memisongkan 'akidah orang2 Islam. Atau pun setidak2-nya mahu menyenda2kan sesuatu yang di-pandang mulia oleh orang Islam.

Baharu2 ini kita membacha dalam surat2 khabar berkenaan dengan perkara selipar atau kasut getah yang di-tulis di-bawah-nya dengan tulisan Kalimah Shahadat. Kalimah Shahadat itu ada-lah suatu perkara mulia dalam Islam sebagaimana mushaf Al-Kor'an. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Muhammad ayat 19 ada menyebutkan:

فاعلم انه لا اله الا الله

Dan di-riwayatkan oleh imam2 Muslim, Abu Daud, At-Termizi, An-Nisaie dan lain2 ulama' Hadith daripada sahabat Ibnu Said Al-Khadri r.a., kata-nya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w. yang bererti: "*Ajarkan-lah kapada orang yang hampir mati kalimah Laila haillalah*". Daripada sahabat Mu'az bin Jabal pula berkata, telah bersabda Rasulullah s.a.w. yang bererti: "*Barangsiapa yang akhir perkataan-nya Laila haillalah, maka ia masok shurga*".

Sementara telah ijma' sekalian ulama' Islam, bahawa kalimah Laila haillalah itu ada-lah rukun yang pertama daripada rukun2 Islam yang lima.

Berdasarkan keterangan2 di-atas, ternyata-lah bahawa kalimah Laila haillalah itu ada-lah ia suatu ayat Al-Kor'an dan Hadith Rasulullah s.a.w., dan suatu dasar ugama Islam dengan ijma' sekalian ulama' dan umat Islam. Maka atas asas ini-lah, barangsiapa menyenda2 atau mengolok2kan-nya atau merendah2kan-nya, sedang ianya ada-lah thabit ada-nya dalam Al-Kor'an atau dalam Hadith Rasulullah atau ijma' umat Islam, terang-lah orang itu kafir. Dan jika ia orang Islam telah berbuat demikian itu, maka sesunggoh-nya ia telah murtad dan keluar dari ugama Islam. Erti murtad itu ia-lah keluar dari ugama Islam dengan sebab niat kafir atau perchakapan kafir atau perbuatan kafir, samada terbit daripada-nya dengan chara bersenda2 atau chara degil, atau chara iktikad.

Oleh yang demikian, menulis Laila haillalah di-atas selipar atau seumpama-nya yang hina dan tidak patut ada-lah kafir dan murtad.

Kapada orang2 Islam di-negeri ini ada-lah di-ingatkan supaya berhati2 dalam memelihara diri dan ugama-nya, jangan terjerumus atau terperangkap kapada perkara2 yang boleh menyebabkan rosak atau batal Islam-nya. Wajib atas kita memelihara dan memuliakan tulisan Al-Kor'an. Jika tulisan itu terdapat di-dalam akhbar2 atau sebarang kertas, maka tidak-lah patut kertas itu di-semberanakan dan di-buat pembungkus barang2. Menurut fatwa Mufti Kerajaan Brunei bilangan (116)/31/1967, bahawa salah satu perbuatan kafir itu ia-lah ingkarkan ugama Islam saperti membuang Mushaf Kor'an atau membuang sesuatu yang ada pada-nya dari Kor'an, bahkan atau sesuatu nama Mu'zam (saperti nama Nabi), atau sesuatu Hadith Nabi, yaani membuang-nya pada kekotoran atau pada kekotoran yang suchi saperti hingus dan ayer ludah, kerana pada-nya itu ada ertikata merendah2kan ugama Islam.

Demikian-lah Wallahu a'lam.

# Al-Kor'an mempunyai peranchangan masa depan dan lampau

SAMBONGAN terakhir dari petikan sharahan khas Awg Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei di-upachara penutop Pertandingan Membacha Al-Kor'an Perengkat Sa-Negeri 1978.

AL-KOR'AN mempunyai peranchangan2 masa depan dan masa yang lampau dalam bidang2 yang manusia tidak dapat meranchangkan-nya.

Tetapi banyak orang Islam telah chuba meranchangkan hidup dengan fahaman dan falsafah2 yang lain dari Islam. Mereka seolah2 berkata Islam itu tidak chukop, ia tidak boleh menyelesaikan masaalah pemerintah, kewangan, ekonomi. Yang boleh di-selesaikan-nya ia-lah soal2 hidup mati yang terbatas.

Beberapa negara Islam telah chuba meniru falsafah2 Sosialism, Marxism, Demokrasi dan lain2. Tetapi semakin mereka meninggalkan Islam, semakin-lah kuchar-kachir masharakat, kerana di-dalam hati mereka sendiri tau dan sedar di-antara masaalah yang boleh di-huraikan melalui jalan2 bukan Islam itu hanya akan mendatangkan lebeh banyak masaalah sahaja.

Ini-lah sebahagian daripada peringatan Al-Kor'an di-dalam ayat2 yang di-bachakan dalam pertandingan ini. Ia memerlukan fikiran yang tenang dan tenteram dan memerlukan keinsafan.

Bahawa apa yang di-suroh oleh Allah di-dalam Al-Kor'an itu ada-lah sesuai dengan tabiat semula jadi manusia, ada-lah untok kepentingan diri manusia dan bukan kerana Allah akan mendapat keuntongan.

Allah, sa-bagaimana dalam Surah Al-A'araf ayat 157, menyuroh hamba-Nya berbuat baik dan menjauhi kemungkaran. Allah menghalalkan perkara yang baik dan mengharamkan perkara2 yang burok.

Orang yang baik akan mendapat balasan yang baik dan menggembirakan, orang yang jahat akan mendapat balasan yang burok dan mendukachitakan.

Hukum ini tidak pernah berubah selama2-nya dan telah pun di-boktikan dari sejak Adam hingga pada masa ini.

Allah berfirman dalam Surah Yunus ayat 25 hingga 27 yang bermaksud:

"Dan Allah menyeru kamu kapada tempat kedamaian dan Dia memberi petunjok kapada sesiapa saja yang di-kehendaki-Nya ka-jalan yang lurus. Bagi orang2 yang berbuat kebajikan itu ia-lah kebaikan dan tambahan, dan muka2 mereka tidak di-warnai oleh kekeruhan dan kehinaan, mereka itu para penghuni shurga, kekal mereka di-dalam-nya selama2. Adapun orang yang membuat keburohkan itu maka balasan jahat di-balas jahat dan mereka mendapat kehinaan. Mereka tidak dapat pelindong selain dari Allah. Muka2 mereka seolah2 di-tutopi oleh sebahagian malam yang gelap, mereka-lah para penghuni neraka kekal di-dalam-nya selama2".

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 23hb Ogos, 1978 hingga ka-hari Selasa 29hb Ogos, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 23hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 24hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 25hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 26hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 27hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 28hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 29hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**



GAMBAR di-atas sa-keluarga dari keturunan China dari Sarawak yang telah memelok Ugama Islam pada 4hb Ogos, 1978 yang lalu bertempat di-rumah Awang Metali, Kampong Sungai Kedayan, Bandar Seri Begawan.

Keluarga tersebut yang di-ketuai oleh Chin Kim Hing (dudok belakang kanan) telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Osman bin Abdullah sementara isteri-nya Lina Chia' Pel Ling juga memileh nama baru-nya dalam Islam sa-bagai Dayang Lina bte Abdullah.

PengIslaman mereka di-lakukan di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Matserudin. (Gambar JHEU).

# PUASA MENGANDONGI HIKMAT DAN RAHSIA

DEWASA ini, sering sekali kita mendengar manusia2 bertukar2 pendapat tentang bagaimana chara-nya hendak mengurangkan berat badan. Ada yang menchuba dengan mengurangkan makan, bersenam, berlari2 di-waktu pagi dan berjalan kaki di-waktu petang-nya. Ada pula yang chuma memakan roti saja dan tidak memakan nasi; sebab nasi ada mengandongi banyak kanji dan gula, yang boleh mengemokkan badan. Dan ada pula yang chuma makan ikan dan sayur saja, tak makan daging, dan saterus-nya masing2 dengan chara2 yang tersendiri.

Ternyata kini bahawa berat badan itu merbahaya bagi manusia, terutama sekali bagi orang yang sudah masok ka-umor 40 tahun ka-atas. Ada pula yang berpendapat bahawa orang yang gemok itu atau yang berat badan itu senang sekali di-serang oleh penyakit2 yang merbahaya, saperti lemah jantong, kenching manis, darah tinggi dan sebagai-nya.

Memang benar, makan terlalu banyak itu boleh menimbulkan berbagai2 penyakit kapada diri kita, sebab perut kita itu dalam tugas-nya ada-lah sama saperti meshin. Meshin juga mesti ada waktu 'rest'-nya atau masa berhenti-nya; di-bersehkan, di-chuchi, di-buangkan karat2-nya dan di-betulkan rosak2-nya, supaya nanti ia boleh di-gunakan sa-mula dengan lebeh baik lagi. Kalau-lah kita boleh melihat apa yang ada di-dalam perut kita, tentu sekali kita akan maalom betapa benar-nya kenyataan ini. Kita pun lalu melakukan kapada-nya sama saperti kita melakukan meshin tadi.

Tetapi ugama Islam telah memberikan kapada kita suatu chara lain untok membersehkan apa yang di-katakan sabagai karat dan kotor yang berselaput di-dalam perut kita. Islam telah menganjorkan kapada kita supaya berpuasa. Hal ini telah di-akui sendiri oleh doktor2 dan pakar perubatan tentang kebenaran-nya.

## Bingkisan minggu ini

Ada pun puasa itu ia-lah menahan diri dari makan dan minum dan apa jua yang boleh membatalkan-nya. Ia di-mulakan dari terbit Fajar Sadiq sa-hingga-lah terbenam matahari dengan mengikut sharat2 yang tertentu. Puasa ini terbahagi kapada dua bahagian: Yang pertama ia-lah puasa wajib dan yang kedua-nya ia-lah puasa sunnat. Salah satu puasa wajib itu ia-lah puasa dalam bulan Ramadhan. Ia ada-lah salah satu dari rukun Islam yang wajib kita kerjakan dan menjadi asas bagi keislaman sa-seorang. Maka apabila ia di-chuaikan oleh muslimin muslimah akan terancham-lah keislaman-nya.

Hampir semua ugama di-dunia ini mengenal apa yang di-maksudkan dengan puasa, sa-hingga-lah sa-tiap pemelok2 ugama yang terbesar di-alam ini di-galakan supaya mengamalkan-nya. Sebab dengan chara berpuasa jiwa sa-seorang itu dapat di-uji kuat atau lemah, tahan menderita keperitan hidup atau tidak. Hanya bedza-nya sa-tengah ugama menjadikan puasa itu sabagai lambang penyiksaan diri sendiri saperti bertapa. Sa-golongan lain pula menjadikan-nya sa-bagai protes atau tentangan kerana tidak puas hati terhadap pemerintah atau pehak2 yang berkuasa saperti yang di-kenali sa-bagai 'mogok lapar'. Tetapi Islam menjadikan-nya sa-bagai suatu amalan yang mengandongi bermacham2 hikmat dan rahsia. Di-antara-nya: menyembohkan penyakit2 dzahir yang kadang2 tidak dapat di-ubat dengan ubatan2 biasa, begitu juga menghilangkan penyakit2 bathin saperti takabbor, amat mementingkan diri sendiri saja, bersifat kasar dan selalu marah. Dan yang terutama sekali ia-lah melateh diri agar selalu bersifat sabar dalam masa kepayahan atau kesusahan, menyehatkan alat pencher-naan dan lain2 lagi.

Begitu-lah di-antara peranan2 yang penting yang di-mainkan oleh puasa manakala saja kita mengerjakan-nya. Mudahan2 kita akan mengerjakan ibadat puasa itu dengan penoh keimanan dan keikhlasan sa-mata2 kerana Allah jua, agar dengan itu kita mendapat pembalasan yang baik daripada-Nya.

# PEGAWAI MEMERENTAH "A" KOMPENI BATTALION PERTAMA AMDB



YMD. Pehin Datu Bendahara Kaptan Sari.




YANG Dimuliakan Pehin Datu Bendahara Kaptan Sari bin Ahmad yang sa-belum ini bertugas dalam jawatan Penolong Pegawai Memerentah 'D' Kompeni di-Pasokan Battalion Pertama AMDB telah mula memegang jawatan baru-nya sa-bagai Pegawai Memerentah 'A' Kompeni pada 9hb Ogos yang baru lalu bagi menggantikan Kaptan Brain Davidson.

Pehin Datu Bendahara yang telah memegang jawatan sa-bagai Penolong Pegawai Memerentah 'D' Kompeni sejak 26hb Julai, 1976 hingga 8hb Ogos, 1978, telah mula berkhidmat dengan Pasokan AMDB sa-bagai Pegawai Kadet pada 28hb Disember, 1966 di-mana beliau sa-lanjut-nya meneruskan pengetahuan ketenteraan-nya di-Mons Aldershot, England dalam bulan Ogos, 1969 hingga 1hb Januari, 1970.

Sa-kembali dari berkursus, YDM Pehin Datu Bendahara Kaptan Sari telah di-tuliahkan pangkat sa-bagai Lt. Muda dan bertugas sa-bagai Platon Komander 'B' Kompeni sa-lama tiga tahun. Dari sini beliau di-tukar ka-jawatan Pegawai Meriam Katak di-Platon Meriam Katak AMDB pada bulan Mach, 1973 hingga Julai, 1976 yang sa-terus-nya memegang jawatan Penolong Pegawai Memerentah 'D' Kompeni itu tadi.

Di-samping menunaikan tugas dalam angkatan bersenjata negara kita dalam beberapa jawatan, YDM Pehin Datu Bendahara juga telah sempat menjalani berbagai kursus dalam negeri saperti mengikuti kursus Perkhidmatan Kewangan, Latehan Perang Hutan dan juga kursus luar negeri umpama-nya sabagai Jurulateh Perang Hutan di-Canugra, Brisbane, Australia pada 5hb Disember, 1972 sa-lama sa-bulan.

Pada bulan Mach hingga Mei, 1974 YDM Pehin Datu Bendahara telah di-hantar ka-Republik Singapura untok mengikuti kursus Platon Komander Meriam Katak di-Institiut Latehan Angkatan Udara Singapura (SAFTI) ketika memegang jawatan sa-bagai Pegawai Meriam Katak AMDB.

Kemudian pada 6hb Jun hingga 15hb Julai YDM Pehin Datu Bendahara sekali lagi mengikuti kursus yang sama di-Notherebon, United Kingdom dan pada bulan September, 1975 YDM Pehin Datu Bendahara telah mengetuai Platon Meriam Katak AMDB ka-Singapura untok menghadhiri kursus 'Mortar Concentration' di-Pasokkan ke-6 Berjalan Kaki Singapura.

Juga di-Singapura YDM Pehin Datu Bendahara telah berkesempatan mengikuti kursus School of Advance Training Officer (SATO) ia-itu mengenai chara2 menulis dan ketenteraan di-SAFTI mulai 3hb Julai, 1976 hingga 30hb Oktober, 1976.

Dari pangkat Pegawai Kadet membawa ka-Lt. Muda, YDM Pehin Datu Bendahara telah di-naikkan pangkat Lt. Penoh pada bulan Disember, 1972 dan kemudian-nya kapangkat Kaptan pada Jun, 1975. YDM Pehin Datu Bendahara di-sampiri gelaran sa-bagai YDM Pehin Datu Bendahara oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 4hb Ogos, 1974.



GAMBAR di-atas memperlihat Datin Hajjah Zaharah, Ketua Pegawai Kebajikan ketika menyampaikan piala kapada pemenang kedua kanak2 perempuan 'A' Norzah bte Sinin dalam pertandingan yang telah di-adakan di-Pusat Latehan AMDB akhir Julai lalu manakala gambar sebelah pemenang kedua bagi kanak2 lelaki 'B', Mohd. Rashidi bin Khamis.



## JOHAN AL-KOR'AN ANTARA YUNIT

PEKAN TUTONG.— Pegawai Waran II, Ismail bin Metarsad dari Battalion kedua AMDB telah munchol sa-bagai johan Pertandingan Membacha Al-Kor'an Antara Unit AMDB yang telah di-langsongkan di-Perkhemahan Tutong di-sini pada 11hb dan 12hb Ogos yang baru lalu.

Pertandingan tersebut yang telah di-rasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Hj Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan Brunei telah di-sertai oleh 18 orang peserta; 10 lelaki dan 8 perempuan dari lima unit pasokan itu.

Tempat kedua bahagian lelaki telah di-menangi oleh L/Kopral Suhaimi bin Hj Awang Damit dari Angkatan Laut Pertama dan tempa t ketiga Parajurit Mohd. Yamin bin Haji Mohd. Sahar dari Battalion Pertama.

Dalam bahagian perempuan pula, johan di-rebut oleh Dyg Hasnah bte Kula dari Battalion Kedua; tempat kedua, Dyg Armah bte Bidin dan ketiga, Dyg Aisah bte Abd Rahman dari Battalion Kedua.

Johan antara unit2 telah di-rebut oleh Battalion Kedua yang memenangi oskar rebutan, manakala johan lelaki telah menerima oskar rebutan yang di-berikan oleh Pegawai2 Markas AMDB dan johan perempuan menerima oskar rebutan yang di-berikan oleh Pegawai2 Waran dan Sergan.

Hadiah2 tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya di-akhir pertandingan itu. Johan dan naib johan lelaki telah mewakili pasokan AMDB ka-pertandingan membacha Al-Kor'an bagi Jabatan Kerajaan yang beruniform di-Pusat Latehan Pulis Diraja Brunei pada 19hb Ogos yang baru lalu.

## Latehan hutan

SA-RAMAI 83 orang rekrut bagi pengambilan ke-45 dari Pusat Latehan AMDB awal bulan ini telah menjalani latehan hutan di-Ulu Tutong bermula pada 4hb hingga 18hb Ogos.

Mereka telah mengikuti latehan tersebut bagi melateh chara2 kehidupan dan ketahanan tentera di-dalam hutan di-samping menjalani latehan perang hutan.

Latehan tersebut telah di-ketuai oleh Lt Ghani, Pegawai Pengambilan Pusat Latehan AMDB.

Sementara itu di-Pusat Latehan juga pada 25hb Ogos ini satu majlis Khatamal Kor'an akan di-adakan bertempat di-Dewan Gerak Badan Pusat tersebut yang akan turut di-hadhiri oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan. Majlis itu juga di-adakan bagi menyambut Nujul Al-Kor'an tahun ini.





# CHORETAN KAMI MINGGU INI



BULAN Puasa membawa rahmat kapada kebanyakan orang yang pandai membuat kueh-mueh, chindul, puspa dan juga orang2 yang mempunyai pulau buah2an. Bulan Puasa juga melipat-gandakan pengusaha2 dan pembekal bahan2 makanan. Dan yang lebeh melipat-gandakan usaha mereka ia-lah kalangan2 penjual ikan, daging, ayam serta tidak ketinggalan turut sebok ia-lah "pengukor kelapa".

Semua itu ada-lah bahan2 yang di-anggap penting untok menjamu selera apabila tiba waktu berbuka. Umat Islam memang sebok tentang bahan2 makanan di-sepanjang bulan Ramadhan ini dan dalam bulan ini-lah kebanyakan orang tidak begitu mengindahkan tentang perbelanjaan. Ada sa-tengah2-nya pula menyediakan peruntokan kewangan khas bagi bulan Puasa sa-lain dari peruntokan untok menyambut Hari Raya yang akan tiba.

Bagi kalangan yang perbelanjaan-nya gaji sa-bulan habis sa-bulan dan tidak ada mempunyai lebehan untok berbelanja dari yang biasa-nya dapat di-dayakan oleh mereka, menghadapi bulan Puasa ini — dari segi perbelanjaan — ada-lah saperti hari2 biasa dan chuma sekali sa-kala menyelitkan bahan2 baru untok berbuka puasa itu saperti membeli kueh-mueh yang jarang terjual di-hari2 bukan bulan Puasa.

Ada sa-tengah-nya pula, menghadapi bulan Ramadhan ini hanya dengan sa-tegok ayer, sa-kepal nasi dan sa-kubit lauk. Sunggohpun ini tidak jelas dapat di-lihat di-Brunei, namun ia-nya sukar untok di-nafikan, kerana manusia itu masing2 dengan keadaan-nya. Kelebehan bagi kita orang Brunei ia-lah "pemalu" dan ini-lah salah satu identiti kita yang tidak ujud di-lain2 tempat, dan dari sifat ini-lah juga menyebabkan kurang di-ketahui ada-nya orang2 kita yang hanya dapat makan sa-kepal nasi dalam sa-hari dan ada pula menggantongkan harapan sedekah dari jiran2 yang baik hati.

Bagaimanapun hal ini bukan-lah tujuan kita untok mengketengahkan tentang ada-nya kemiskinan itu dan tidak pula kita berani hendak meniadakan-nya atas beberapa sebab dari skop mustahil dan tiada mustahil.

Puasa-lah yang banyak memberikan pengajaran kapada kita tentang hal2 yang sa-umpama itu dan mudah2an kaum muslimin Brunei akan tetap dengan pendirian tidak penchamah mata yang kita warisi sejak turun temurun itu.

Saperti yang di-sarankan di-atas dan di-bayangkan melalui gambar2 yang tersiar di-halaman ini, maka Puasa itu juga memberi rahmat kapada orang2 yang suka berusaha.

Di-sepanjang bulan Ramadhan ini berbagai2 bahan makanan terjual di-tempat2 yang biasa-nya menjadi tumpuan apabila tiba bulan Puasa saperti di-tebing tambang dekat Kastam Diraja, di-tepi2 jalan raya dan apalagi di-kawasan Tamu.

Akan tetapi, sejak sa-minggu yang lalu, apabila saja tersiar tentang petaka makanan yang mengandongi bahan2 berachun itu, timbul kebimbangan orang ramai dan ini juga menyebabkan terbangkalai-nya peniaga2 sa-musim itu untok mendapat rezeki. Awal minggu lepas, chindul dan puspa tidak sa-laris yang di-harap2kan dan ia-nya yang biasa di-jual sa-ringgit sa-pelastik menjadi dua pelastik sa-ringgit. Demikian juga kueh-mueh tidak sa-hebat laku-nya macham tahun2 yang sudah. Wajah penjual2 sa-musim itu agak muram sedikit, akan tetapi akhir2 ini kebimbangan orang ramai telah berkurangan dan keadaan nampak-nya telah pun puleh. Nafsu orang puasa agak puleh juga, kerana orang tetap ramai mengerumuni tempat2 tersebut untok membeli pesungkaian.

Keadaan sudah puleh, tetapi apa yang tinggal sekurang ia-lah tanda-tanya yang lama ia-itu tentang harga. Soal harga ini nampak-nya tidak dapat selesai. Ikan dan sayor-mayor menjadi buah mulut orang, kerana harga-nya sa-oleh2 bergantong kapada ramai-nya orang membeli. Kalau ramai orang membeli, harga naik dan kalau tidak harga-nya turun. Dan satu perkara lagi ia-lah "sikap pajak-memajak" atau "minta tarohkan" atau "minta pagangkan" terutama ikan. Banyak yang menganggap bahawa perbuatan itu tidak adil — kadang2 menjadi pertengkaran. Nampak-nya hal2 sa-umpama ini tidak ada penyudah-nya dan harus akan terus berlaku, kechuali penjual2 ikan itu sendiri mengamalkan sikap "first-come-first-serve" atau siapa dulu siapa di-juali.

Demikian choretan kami minggu ini.





# KG. PASAI JOHAN PERLAWANAN MAIN GASING SEMPENA PUJA USIA DYMM

SENGKURONG. — Kampong Pasai telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan main gasing dan termasok pemain yang terbaik, antara pasokan2 yang telah mengambil bahagian dalam perlawanan berpalu dan bergurau gasing, yang telah di-langsongkan di-sini bulan lalu.

Perlawanan main gasing ini di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei dan di-kelolakan oleh Persatuan Kebajikan Sengkurong, sempena menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Ke-32 tahun.

Perlawanan tersebut di-jalankan sa-chara lega yang bermula pada 2hb Julai lalu dan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Salleh bin Haji Hidup.

Pasokan yang telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut ia-lah: Kampong Tanjong Nangka, Kampong Pasai, Kampong Salayun, Kampong Mulaut dan Pasokan Gabongan terdiri dari Kampong2 Kulapis, Lugu, Panchor Murai dan Kilanas.

Perlawanan akhir telah di-langsongkan di-sini pada 23hb Julai lalu dengan dimenengi oleh Kampong Pasai sa-bagai johan dan naib johan ia-lah Pasokan Gabongan sementara tempat ketiga Kampong Selayun.

Piala rebutan johan telah di-hadiahkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei.

**Berita (A. Ismail Dollah) dan gambar2 dari Awang Anam Tarsat.**



GAMBAR atas menunjokkan Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, sedang menyampaikan Oskar rebutan johan kapada A. Salim Haji Salleh dari Kampong Pasai sa-bagai johan di-akhir perlawanan. Sementara gambar bawah menunjokkan pemain gasing Kampong Kulapis sedang memerhatikan gasing-nya yang sedang berpusing ligat.





GAMBAR atas menunjokkan ahli2 pemain gasing Kampong Pasai yang telah menjadi johan dalam perlawanan main gasing antara lima kampong, yang telah di-langsongkan bulan lalu. Mereka bergambar bersama2 oskar kemenangan. Perkenalan dari kiri (dudok): Awang2 Untong Nayan, Bakar Asmad, Umar Asmad, Duraman Budin, Che'gu Serudin Haji Nasir dan Ismail Dollah. Berdiri dari kiri: Awang2 Timor Limbang, Harun Hassan, Sabli Dagang, Salim Haji Salleh, Asmad Haji Salleh, Ahmad Nayan dan Ali Ahad.

GAMBAR bawah menunjokkan perlawanan bergurau gasing. Kelihatan pemain2 gasing sedang memerhatikan gasing mereka sedang berpusing dengan ligat-nya, kadang2 mengambil lebeh satu jam baharu gasing itu berhenti.



## Kejohanan Chator 78

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Steward Wavell, dari Radio Talivishen Brunei, telah menyandang kejohanan chator orang2 dewasa terbuka perseorangan anjoran Persetuan Chator Negeri Brunei, sempena Puja Usia Kebawah DYMM Ke-32 tahun ini.

Sementara Awang Mohammad Isa bin Haji Metali, telah menyandang kejohanan bahagian peserta2 kabawah umor 18 tahun.

Kejohanan bahagian berpasokan terbuka kapada sekolah2 dan maktab2 telah di-menangi oleh Pusat Tingkatan Enam, Jalan Muara. Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait, di-tempat kedua manakala Sekolah Inggeris Berakas di-tempat ketiga.

Pelita di-fahamkan, Awg Steward Wavell sekarang ini sedang menyusun renchana mengenai permainan chator sa-chara taktik moden. Renchana itu nanti akan di-keluarkan dalam Pelita Brunei dalam sedikit masa lagi sa-chara bersiri.

Perlawanan kejohanan chator tersebut telah di-mulakan sejak bulan Mei tahun ini bertempat di-Pusat Belia di-sini dan saramai 161 orang pemain2 chator di-negeri ini telah mengambil bahagian.



Awg Steward Wavell

## IBB "A" johan bolasepak tujoh sa-pasokan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan bolasepak 7 sa-pasokan anjoran PERANGKAB sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32, di-mulakan awal bulan Julai 1978.

Hampir 100 buah pasokan menyertai perlawanan itu. Pasokan IBB 'A' munchol sa-bagai Johan satelah mengalahkan pasokan AMDB 'A'.

Tempat ketiga jatoh kapada MUARA UNITED 'A' dan UDANA LAILA 'A' di-tempat ke-empat.

Hadiah piala pusingan didermakan oleh YORK CAMERA COLOUR LABORATORY, Bandar Seri Begawan.

Hadiah2 di-akhir perlawanan di-sampaikan oleh YM Awang Abdul Hamid bin Ismail, Penolong Pegawai Daerah Brunei Muara.

Perlawanan akhir berlangsong di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat, 4hb Ogos, 1978.

## MBB akan sertai Kongres Belia sa-Dunia di-Cairo

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei dalam mashuarat-nya yang baru lalu bersetuju untok ikut serta dalam Kongres Belia Sa-Dunia, yang akan di-langsongkan di-Cairo, Mesir, pada 13hb hingga 18hb Januari, 1979.

Kongres Belia Sa-Dunia itu akan membinchangkan mengenai dengan 'permakanan dan perkembangan' bagi mengetahui peranan belia dalam membentok dan menjalankan ranchangan dan dasar2 permakanan demi untok mengujudkan satu jambatan mengenai jurang jenerasi.

Sementara itu MBB juga mengelolakan peraduan menulis renchana sempena Kongres Sa-Dunia, yang terbuka kapada belia2 di-seluroh negeri ini samada yang maseh menuntut atau bekerja, dan hendak-lah di-hantar tidak lewat pada 30hb September depan. Pemenang peraduan itu akan di-jemput untok menghadhiri kongres tersebut.

## Jadual sokan bagi bulan Okt., Nob. dan Dis.

**OKTOBER :**

1. Perlawanan Lomba Bernang Sa-Negeri Sekolah2 Rendah, Menengah Bawah dan Atas pada hari Sabtu 14hb Oktober, 1978 jam 1.30 petang di-Kolam Bernang Kebajikan Belia dan Sokan, Anggerek Desa, Berakas.
2. Pendaftaran Kursus Khas Jimnastik pada hari Ahad 1hb Oktober, 1978 jam 4.00 petang di-SPS. Saiful Rizal, Jalan Muara.
3. Sokan Sekolah2 Menengah Bawah pada hari Ahad 1hb Oktober, 1978 di-SIPW, Kuala Belait.
4. Menghantar Borang Penyata perkakas2 sokan kasekolah2.
5. Latehan asas dan latehan penempatan pemain2 pasokan sekolah2 Brunei.

**NOBEMBER :**

1. Menerima laporan penyata perkakas2 sokan dari sekolah2.
2. Latehan pusat pasokan Bolasepak Sekolah2 Brunei.
3. Membuat laporan tahunan sokan sekolah2.
4. Menyediakan Kesiapan Penyampaian Sijil Kursus2 Khas Bahagian Pendidekan Jasmani.
5. Meshuarat Pegawai2 Pen: Jasmani bagi Penggal III pada hari Sabtu 18hb Nobember, 1978 jam 8.30 pagi.
6. Membuat laporan tahunan sokan sekolah2.

**DISEMBER :**

1. Menyediakan Ranchangan Kerja Sa-Tahun Pendidekan Jasmani bagi tahun 1979.
2. Penutop dan Penyampaian Sijil Kursus2 Khas Pendidekan Jasmani.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN RADIO TALIVISHEN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen Brunei.

1. PENYUNTING :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa, termasok Bahasa Inggeris, atau yang sebanding dengan-nya. Pengalaman sa-bagai penyunting sa-lama tiga tahun dengan akhbar bahasa Inggeris atau steshen talivishen atau radio. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-steshen talivishen. Pengetahuan Bahasa Melayu merupakan satu kelebehan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT I:

(Bahagian Inggeris)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa, termasok Bahasa Inggeris, atau yang sebanding dengan-nya. Mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 menerbit dan menyiarkan ranchangan2 radio dalam Bahasa Inggeris.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai suara microphone yang baik.

(Bahagian Melayu)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa, termasok Bahasa Inggeris, atau yang sebanding dengan-nya. Mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 menerbit dan menyiarkan ranchangan2 radio dalam bahasa Melayu.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai suara microphone yang baik.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 1-2 EB. 3 — $944-982-1033-1071-1109 - 1148 - 1186 - 1224 - 1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT II :

(Bahagian Melayu)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Mempunyai sekurang2nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 menerbit dan menyiarkan ranchangan2 radio dalam Bahasa Melayu.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai suara microphone yang baik.

(Bahagian China)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya, dan Senior Middle Three Chinese. Mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam kerja2 menerbit dan menyiarkan ranchangan2 radio dalam Bahasa China.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai suara microphone yang baik.

Satu ujian akan di-adakan untok menentukan kesesuaian chalon2 untok jawatan2 ini.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 4 EB. 5 - 6 — $ 854-880-905-931-956 - 982-1007 /EB/ 1046-1071-1097-1122-1148-1173-1199-1224. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT III :

(Bahagian Inggeris)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Sijil 'Am Pelajaran termasok bahasa Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

(Bahagian Melayu)

Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

(Bahagian China)

Sijil Rendah Pelajaran Brunei, atau yang sebanding dengan-nya, dan Senior Middle Three Chinese.

Satu ujian akan di-adakan untok menentukan kesesuaian chalon2 untok jawatan2 ini.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561 - 625-657-689-720-752-784/ E B / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

5. PEREKA :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 40 tahun dan boleh bertutor dengan faseh dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Sebaik2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai pereka set pentas dan talivishen. Kemahiran dalam melukis, kemahiran dalam semua jenis lukisan grafik serta kebolehan mereka pelan2 bangunan ada-lah penting. Kelulusan Diploma in Art, atau yang sebanding dengan-nya, atau sekurang2-nya kelulusan S.A.P. akan di-pertimbangkan.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki membuat kerja mereka set untok ranchangan2 talivishen. Mereka mesti-lah bersedia untok bekerja siang malam, hari Jumaat/Ahad dan dengan Bahagian Siaran Luar T.V.

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb September, 1978.

(E/1006/75—Bil: 84/1978)

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the undermentioned vehicles to the Forest Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

ONE (1) UNIT 3 TON TRUCK
THREE (3) UNITS LONG WHEEL BASE LAND ROVER.

The Tenderer is to state price C.I.F. Brunei and delivery time.

Tender must be submitted in plain sealed envelope, and there must be no indication on the envelope the name of the tenderer.

The envelope should be addressed to : —

The Chairman,
Tenders Board,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

At the office of the State Financial Officer, Brunei before 4.00 p.m. on Monday 22nd August, 1978 and marked "SUPPLY OF VEHICLES TO THE FOREST DEPARTMENT, BRUNEI". Tender received after this date will be rejected.

The Government does not bind itself to accept the lowest tender.

## TENDER NOTICE

1 TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Public Works Department Contractors Class 'AX' and above up to 12.00 noon on Tuesday 12th, September 1978 for : —

THE CONSTRUCTION OF NEW RETAINING WALL, BOLKIAH CAMP AT JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN.

2 Tender documents may be obtained from the office of

Ho Kwong Yew dan
Anak2 Akitek2,
406, Bangunan Guru2
Melayu Brunei,
Jalan Kianggeh,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

from 23rd August 1978 during normal office hours.

3. The tender deposit is $300.00 made in favour of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2 and is refundable to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.

4 Tenders must be placed in the envelope provided and must not bear any indication of the name of the tenderer.

5 Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

6 The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH

### SURAT KUASA PESAKA

**No. 104/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Durahim bin Bangkok, 35, Kampong Beribi Gadong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Sapah bte Serail yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah sepupu kapada si-mati.

**No. 105/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Zainab bte. Beruddin, No. 15, Kampong Peramu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Lauyah bte Abdul Rahman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 106/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pengiran Haji Ismail bin Pg. Petra, 49, Jalan Sultan Isma Jaya Restoran, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Aji bte Haji Hussin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 107/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Bunal bin Tuah, No. 95, Kampong Sengkurong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Buntar binte Ghafar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 108/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Melaya anak Simpai, No. 42, Bukit Selilah, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jangun anak Maling yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

**No. 109/1979**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Abdul Rahman bin Haji Marpuji @ Haji Marfuji, No. 5, Pulau Berbunut 3, Kampong Sungai Kedayan 'B', Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Marpuji @ Haji Marfuji bin Nudin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 110/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dk. Salama @ Dk. Selamah binte Pg Buntar, 22, Kampong Sengkurong 'B', Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jamilia bte Surat yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ibu kapada si-mati.

**No. 111/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Kiu Ai Nyuk, Chop Lim Ee Leong, Kampong Sultan Lama, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Wong Chee Tsung yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

**No. 112/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Vettuparambil Koshy George, P.O. Box 2182, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mariamma George yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

**No. 113/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Yong Wong & Chin Rm: 413-414, Malay Teachers Building, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh William Gordon Caufield Fitzpatrick yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah surat kuasa kapada si-mati.

**No. 114/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lai Tse That, Brunei Shell Marketing Co., P. O. Box 385, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lai Tid yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 115/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Bakir bin Haji Tamit, No. 5, Kampong Beribi, Gadong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Tamit bin Haji Akim, yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 116/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hajjah Siti Jauyah bte Abu Bakar, No. 21, Kampong Pancha Delima, Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Abdul Wahab bin Abdullah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

**No. 117/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Yaakub bin Chuchu, Pejabat Kewangan Negara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tengan bin Chuchu yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek-beradek kapada si-mati.

**No. 119/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hujan bte Berudin, No. 37, Kampong Tanah Jambu, Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Barudin @ Serudin bin Pudol yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 120/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Durahman @ Haji Abdul Rahman bin Tengah, No. 105, Kampong Ujong Kelinik, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Masri bin Haji Abdul Rahman @ Durahman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Ayah kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26hb Ogos, 1978, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 12hb Ogos, 1978.

**Charlie Foo**
**Pegawai Penguasa**
**Warith,**
**Brunei**

## PRISONS DEPARTMENT, BRUNEI TENDER NOTICE

TENDER will be received by the Chairman of the Tenders Board, Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 p.m. on Monday 11th September, 1978.

2. The supply of rations to Rumah Penjara Jerudong from 1st November, 1978 to 31st October, 1979.

3. Tenders received after 4.00 p.m. on 11th September, 1978 will be rejected.

| | | |
|---|---|---|
| Rice 3A | per | kati |
| Salt | ,, | ,, |
| Coconut Oil | ,, | ,, |
| Bean Oil (M. Kachang) | ,, | ,, |
| Curry Stuff | ,, | ,, |
| Fresh Meat | ,, | ,, |
| Fresh Fish (No. 1 and 2) | ,, | ,, |
| Salted Fish | ,, | ,, |
| Green Leafy Vegetables (Kachang, Bayam, Sawi etc.) | ,, | ,, |
| Non-leafy Vegetables | ,, | ,, |
| Liver, Kidney or Heart | ,, | ,, |
| Kachang Hijau, Beans or Pulses | ,, | ,, |
| Bread | ,, | ,, |
| Fresh Fruits in Season | ,, | ,, |
| Tea | ,, | ,, |
| Coffee | ,, | ,, |
| Sugar | ,, | ,, |
| Jam | ,, | ,, |
| Sarikaya | ,, | ,, |
| Butter | ,, | ,, |
| Ghee or Dripping | ,, | ,, |
| Milk (Milkmaid Sweetened) | ,, | ,, |
| Margarine | ,, | ,, |
| Cheese | ,, | ,, |
| Egg | ,, | egg |
| Crackers or Biscuits | ,, | kati |
| Potatoes | ,, | ,, |
| Cocoa | ,, | ,, |
| Onions | ,, | ,, |
| Wheat Flour | ,, | ,, |
| Milk (Liquid) | ,, | ,, |
| Cigarettes (Rothman or State Express '555' 10 Sticks) | ,, | packet |
| Matches | ,, | ,, |

5. The quality of goods supplied must be the satisfaction of the Superintendent of Prisons and the Officer-in-Charge of Rumah Penjara Jerudong Brunei if not to their satisfaction then goods may be returned to the contractor and replaced by their equivalent or better at the original prices.

6. All articles must reach the Rumah Penjara Jerudong not later than 7.30 a.m. daily.

7. The contract may be terminated by either side giving two months' notice in writing.

8. Tenders must be placed in plain sealed envelopes. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderers. The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board, Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

9. The envelope must be clearly state and the wording should read "TENDERS FOR PRISON RATIONS".

10. Tenders deposit will be $100.00.

11. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PELABOHAN2, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelabohan2, Brunei.

1. PENYELIA TAMBATAN DAN GUDANG:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 30 tahun dan telah tamat dalam pelajaran menengah.
b) Tugas2 utama lantekan ini ia-lah mengurus anggota buroh pelabohan dan pergerakan dan melichinkan perjalanan barang2 muatan melalui pelabohan baharu di-Pelabohan Muara.
c) Kelayakan dalam jawatan pembantu kerja atau bahagian teknikal dalam Lembaga Pelabohan atau pertubohan yang sebanding dengan mempunyai pengalaman yang lengkap dalam perusahaan perkapalan dan gerakan2 pengangkutan barang2 muatan dan dokumen2 ada-lah di-kehendaki.
d) Pengetahuan dalam Bahasa Inggeris ada-lah di-kehendaki bagi tugas2 lantekan ini.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.3-4 EB. 5 — $625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

2. JURU TEMALI DAN JURU SAMBAT DAWAI:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebeh dari 40 tahun dan lulus dalam darjah VI aliran Melayu atau dengan persekolahan yang sebanding.
b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai badan yang sehat dan mempunyai pengalaman bekerja di-atas menara atau bangunan sarupa dengan bangunan yang tinggi 100 kaki dari tanah.
c) Pemohon2 mesti-lah berkebolehan dalam membuat sambat telinga, memalis panjang dan pendek kapada tali dawai berukoran 1 inchi garis pusat dan kapada tali manila berukoran 5 inchi keliling.
d) Pemohon2 mesti-lah berpengalaman dalam kerja2 menchat dengan berkebolehan menulis tanda2 papan kenyataan dan satinsil.
e) Pemohon yang tinggal di-kawasan Muara ada-lah di-utamakan.

**Tugas2:**

Pemohon2 di-kehendaki untok bertugas dalam kerja tali temali dan menchat bagi memelihara tiang besi waja dan menara sa-tinggi 100 kaki dan untok menyambong, memalis dan memelihara semua dawai dan tali manila Jabatan Pelabohan2.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408/ EB /414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb Oktober, 1978.

(E/419/74 — Bil: 90/1978)

## Sa-bagai Merinyu Peranchang

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Merinyu Peranchang di-Jabatan Peranchang Bandar dan Desa, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Keutamaan akan di-berikan kapada: —

a) Chalon2 yang telah lulus Sijil Persekolahan Brunei Cambridge (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman pratikal dalam kerja2 mengenai bangunan dan hendak-lah boleh membacha pelan2 bangunan atau kejuruteraan, dan bersedia membuat kerja penyiasatan luar.

ATAU

b) Chalon2 yang mempunyai pengalaman praktikal sekurang2-nya dalam 5 tahun dalam penyeliaan kerja2 mengenai bangunan, boleh membacha pelan2 bangunan atau kejuruteraan dan bersedia menjalankan kerja2 luar.

**Umor:**

25 dan 45 tahun.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4-5 — $370-383-395-408-421-434-446-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720 - 752 - 784 /EB/854-880-905-931-956-982 - 1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb Oktober, 1978.

(E/1828/76 — Bil: 87/1978)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by The Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from Brunei registered Class A contractors up to noon on 2nd October 1978 for: —

THE CONSTRUCTION OF THE SUPERSTRUCTURE OF THE MAIN WARD BLOCK GROUP OF BUILDINGS AT THE NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP FOR THE GOVERNMENT OF BRUNEI.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders must be submitted in a plain sealed envelope without any indication on the cover of the identity of the tendering contractor.
4. The envelope must be addressed to the Chairman of the Tenders Board marked: Proposed General Hospital at Kiulap Main Ward Block Group of Buildings Superstructure Contract.
5. Tender documents may be obtained from Alister MacDonald dan Rakan, Architects at 147 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from 10th August 1978.
